

# Simpanan Emas Ar-Rahnu Memperkasa Ekonomi Melayu

*Ganjaran hasil simpanan emas ternyata lebih menguntungkan*

Sinar 23/1/14 Ms 11.

**K**ini Serambi Emas telah mengenal pasti kaedah mudah, asas ke arah kuasa ekonomi bangsa Melayu,

- Kejatuhan harga kini merupakan masa terbaik untuk membeli emas.
- Penganalisis menjangkakan trend kenaikan akan berlaku selepas fenomena kejatuhan ini.
- Pembeli hanya menyediakan 30% tunai daripada harga emas semasa.
- Kakitangan Serambi Emas menyediakan emas lalu membawa emas dan pelanggan ke Ar-Rahnu (sekiranya membeli dengan pihak lain, anda perlu membayar jumlah penuh dahulu).
- Setelah emas tersebut disahkan ketulenan oleh pihak Ar-Rahnu, anda akan menerima 70% tunai. Dengan tunai tersebut anda perlu menyelesaikan baki bayaran dengan Serambi Emas.
- Mendapat pulangan berganda sehingga tiga kali ganda dari kenaikan harga emas.
- Pembelian secara Ar-Rahnu adalah selamat dan tiada unsur riba.

## Pelan 1 + 2 Selama 5 Tahun

Merujuk kepada jadual Pelan 1 + 2 Selama 5 Tahun, dengan menggunakan kemudahan Ar-Rahnu, anda hanya menyediakan modal 30% iaitu sebanyak RM14,400 untuk mendapatkan emas 300 gram yang bernilai RM48,000. Manakala baki RM33,600 harus dibayar secara ansuran sehingga selesai.

Dengan anggaran kasar kenaikan emas 25% setahun, emas 300 gram yang dibeli dengan harga RM48,000 pada tahun pertama sudah bernilai RM60,000 pada tahun kedua. Emas tersebut yang sudah habis dibayar kemudiannya digandakan lagi menjadi 900 gram menjadikan nilai aset anda bernilai RM180,000 pada tahun kedua.

Seterusnya pada tahun ketiga, anda perlu mengulangi langkah pada tahun kedua iaitu apabila ansuran sudah habis dibayar kesemua emas tersebut digandakan lagi daripada 900 gram menjadi 2,700 gram. Dengan anggaran kasar kenaikan emas 25% setahun, emas tersebut sudah bernilai RM675,000.

Begitu juga untuk tahun keempat dan kelima, anda hanya perlu menggandakan emas anda yang sudah habis dibayar sebanyak tiga kali ganda. Dengan andaian kenaikan yang sama iaitu 25% setahun, pada

tahun keempat anda sudah memiliki 8,100 gram emas bernilai RM2,531,250. Manakala pada tahun kelima pula anda sudah memiliki 24,300 gram emas bernilai RM9,492,309.

Pembelian pada tahun pertama atau permulaan tidak terhad kepada 300 gram sahaja. Ianya bergantung kepada modal masing-masing kerana pembelian emas tidak ada had. Anda boleh juga terus membuat gandaan 300 gram atau 1 kilogram emas atau lebih. Namun anda disaran membeli serta mengumpul emas sementara harga masih rendah sekarang ini.

Dengan menggunakan kemudahan Ar-Rahnu, pelanggan juga boleh bermula dengan modal RM16,000 dan memiliki emas 300gm sekaligus yang bernilai RM48,000. Berbanding di tempat lain, dengan modal yang sama hanya mendapat 100gm emas sahaja.

Tawaran istimewa ini hanya ditawarkan oleh Serambi Emas, syarikat emas jongsong bertaraf antarabangsa milik penuh Bumiputera menerusi pelan simpanan dan gandaan Ar-Rahnu.

Presidennya, Mohd. Amin Supian berkata, beliau memperkenalkan pelan itu untuk melahirkan seramai mungkin usahawan yang memperoleh pendapatan lumayan dengan membuat simpanan emas atau gandaan di Ar-Rahnu.

Beliau juga menyeru kepada bangsa Melayu khususnya supaya menyimpan emas sebagai sandaran bagi menebus maruah ekonomi orang Melayu.











"Mereka boleh membuat gandaan atau simpanan di Ar-Rahnu kerana keuntungan paling tinggi di dunia yang boleh dicapai. Memang tidak ada pelan simpanan yang untung sebegini besar, jadi inilah pelan simpanan yang patut direbut".

"Bagi golongan orang muda yang mahu berjinak-jinak dengan simpanan emas, mereka harus merebut peluang yang disediakan sementara harga masih rendah. Malah harga di Serambi Emas lebih murah berbanding di tempat lain,"katanya.

Menurut Amin, selain daripada keuntungan, objektif lain penyimpanan emas dalam tempoh jangka masa panjang adalah sangat baik kerana ia dapat membantu perkembangan tamadun dan ummah melalui zakat dengan kadar 2.5 peratus setahun yang dikenakan khusus kepada umat Islam. Secara tidak langsung, ini akan mengukuhkan lagi ekonomi bumiputera.

Selain menjual emas, Serambi Emas juga menyediakan perkhidmatan panduan praktikal untuk memahami Ar-Rahnu adalah pemiagaan kepada rakyat Malaysia. Dapatkan khidmat nasihat daripada pegawai kami yang berdaftar.

PELAN 1 + 2 SELAMA 5 TAHUN

| TAHUN | MODAL   | GANDAAN EMAS (AR-RAHNU)  | KUANTITI EMAS (GRAM) | NILAI BARU KENAIKAN 25% SETIAHUN             | JUMLAH       |
|-------|---|--|----------------------|--|--------------|
| 1     | <br>100 gram   | <br>100 gram+100gram    | 300                  | RM160/gm<br>RM160 x<br>300 gm                | RM48,000     |
| 2     | <br>300 gram   | <br>300 gram+300gram    | 900                  | RM200/gm<br>RM200 x<br>900 gm                | RM180,000.00 |
| 3     | <br>900 gram   | <br>900 gram+900gram    | 2,700                | RM250/gm<br>RM250 x<br>2,700 gm              | RM675,000.00 |
| 4     | <br>2,700 gram | <br>2,700gram+2,700gram | 8,100                | RM312.50/gm<br>RM312.50/gm<br>x<br>8,100gm   | RM2,531,250  |
| 5     | <br>8,100 gram | <br>8,100gram+8,100gram | 24,300               | RM390.63/gm<br>RM390.63/gm<br>x<br>24,300 gm | RM9,492,309  |